

29 DEC 1999

Ali-Tambak

JABATAN ALAM SEKITAR LULUS SEMUA PROJEK TAMBAK LAUT

MELAKA, 29 Dis (Bernama) -- Jabatan Alam Sekitar (JAS) telah meluluskan Laporan Kajian Kesan Alam Sekitar (EIA) makro bagi semua 19 projek tambakan laut di sini, kata Ketua Menteri Datuk Wira Mohd Ali Rustam.

Beliau berkata memandangkan kelulusan yang diberikan pada 26 Okt itu, semua pemaju boleh memulakan projek mereka pada bila-bila masa mulai tarikh itu.

"Semua projek dengan ini diluluskan tetapi tertakluk kepada beberapa peraturan," katanya kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat mingguan Exco kerajaan negeri di sini hari ini.

Antara syarat yang ditetapkan sebelum pemaju dibenarkan memulakan projek ialah menjalankan kajian hidraulik dan hidrografi, katanya.

Semuanya terdapat 25 syarat utama yang perlu dipatuhi dan melibatkan kelulusan pelbagai jabatan dan agensi seperti Jabatan Laut, Jabatan Pengairan dan Saliran serta penguasa tempatan, katanya.

Mohd Ali berkata kerajaan negeri berharap projek tambakan yang melibatkan kawasan seluas 2,835 hektar itu akan dimulakan segera selepas tergendala beberapa tahun.

Beliau berkata semua pihak juga telah diminta membantu kerajaan negeri dalam rancangan membantu penduduk terutama para nelayan yang mungkin terjejas dengan projek-projek itu.

"Amat penting bagi semua projek itu mendapat kelulusan EIA demi penjagaan alam sekitar dan memastikan pembangunan tidak menjejaskan atau mencemarkan persekitaran hingga menyebabkan masalah seperti banjir," katanya.

Mohd Ali berkata enam projek yang diluluskan itu ialah bagi penambakan pantai manakala 13 projek lagi melibatkan pembinaan pulau buatan yang bertujuan mengurangkan kesan terhadap alam sekitar.

Penambakan pulau sesuai bagi memelihara kawasan hutan bakau di pesisir pantai, katanya.

Projek tambakan laut itu melibatkan kawasan pantai dari Merlimau ke Kuala Linggi tetapi sehingga ini hanya kira-kira 10 peratus telah dilaksanakan iaitu di Bandar Hilir dan Tengkeri di sini.

Mohd Ali juga mengumumkan bahawa beliau akan mengambil-alih jawatan Yang Dipertua Majlis Perbandaran Melaka Bandaraya Bersejarah (MPMBB) yang telah dijabat oleh pegawai awam mulai tahun ini.

Katanya, keputusan itu telah mendapat kebenaran Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Yang Dipertua MPMBB, Haris Hassan akan kembali menjawat jawatan timbalan, kata Mohd Ali.

Beliau berkata kerajaan negeri memutuskan supaya jawatan itu disandang oleh Ketua Menteri bagi tujuan mengukuh dan memperkemaskan pengurusan dan pentadbiran MPMBB.

Majlis mengangkat sumpah anggota majlis MPMBB, Majlis Daerah Jasin dan Majlis Daerah Alor Gajah akan berlangsung Isnin depan. Setiap majlis dianggotai 25 orang.

-- BERNAMA

MOZ NMO